

31/07/2001

Pegawai PDRM dilatih tangani jenayah ICT, siber

PEGAWAI Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sudah dilatih menangani jenayah membabitkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta jenayah siber dan kolar biru yang semakin canggih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Seri Abu Zahar Isnin, berkata PDRM dilengkapkan dengan perkembangan terkini teknologi semasa bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

"PDRM mempunyai kepakaran mencukupi serta mendapat bantuan agensi luar dalam tugas membanteras jenayah," katanya menjawab soalan Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang Lupar), di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata, pendedahan terhadap undang-undang berkaitan ICT kepada pegawai PDRM sudah dilakukan sejak 1998 selain mengadakan kursus jenayah siber secara berterusan di Maktab Pegawai Kanan PDRM.

"Pengambilan pegawai PDRM kini dipilih daripada pelbagai latar belakang akademik seperti perakaunan, perniagaan dan sains komputer untuk ditempatkan di jabatan siasatan jenayah.

"PDRM turut menubuhkan makmal forensik komputer selain menjalin kerjasama dua hala dengan pasukan polis negara asing untuk bertukar maklumat," katanya.

Abu Zahar berkata, bantuan agensi berkaitan seperti Mampu, Mimos dan Pikom juga sentiasa diperolehi PDRM bagi memantapkan keberkesanan siasatan jenayah berkenaan.

Menjawab soalan tambahan Husam Musa (Pas-Kubang Kerian), mengenai ugutan bunuh menerusi Internet terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Abu Zahar berkata, perkara itu sedang disiasat polis.

Katanya, isu itu tidak dipandang ringan dan langkah perlu sudah diselaraskan bagi memastikan semua aspek keamanan negara, termasuk keselamatan Perdana Menteri diberi perhatian.

(END)